

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	18 FEB 2015

# Kerajaan ikrar tingkat kecekapan, integriti

» Gagasan 1Malaysia dilaksanakan demi perpaduan nasional

Oleh Mohd Azrone Sarabatin  
azrone@bh.com.my

Kuala Lumpur

**K**erajaan berikrar meningkatkan kecekapan dan integriti perkhidmatan bagi membantu semua lapisan masyarakat pelbagai kaum.

Datuk Seri Najib Razak dalam perutusan Tahun Baharu Cina, berkata kerajaan juga akan terus komited melaksanakan gagasan 1Malaysia, iaitu penekanan terhadap perpaduan nasional kerana negara semakin menghampiri matlamat Wawasan 2020.

Perdana Menteri berkata, Tahun Baharu Cina mengingatkan rakyat mengenai kepelbagaian yang menjadikan Malaysia negara luar biasa, manakala kesepaduan tejalalin melalui kepelbagaian etnik,

bahasa dan kepercayaan.

"Kepelbagaian inilah yang kita raikan, hargai dan pertahankan," katanya dalam blog NajibRazak.com, semalam.

Ucapan itu turut dimuat naik dalam laman Facebook dan Twitter rasmi Perdana Menteri.

Najib turut mengalu-alukan kunjungan pelawat ke negara ini sempena musim perayaan Tahun Baharu Cina.

"Walau di mana jua anda berada di negara kami yang indah ini, saya harap keunikan pemandangan, gema suara, suasana dan bau-bauan yang lahir daripada temasya ini akan memberi inspirasi kepada anda," tulis beliau.

## Buka lembaran baharu

Katanya, di sebalik pelbagai cabaran yang dihadapi tahun lalu, Tahun Baharu Cina membuka lembaran baharu bagi Malaysia dan berharap Tahun Kambing akan terus membawa keharmonian dan perpaduan kukuh kepada Malaysia.

Najib berkata, perayaan itu juga adalah masa bagi keluarga dan sahabat handai berkumpul dan bersuka ria sambil menghargai yang lama dan meraikan yang baharu.



Beliau juga menasihati pengguna jalan raya mementingkan keselamatan dengan berhati-hati memandu ke destinasi masing-masing bersempena sambutan dan cuti Tahun Baharu Cina.

## Berhati-hati di jalan raya

"Bagi anda yang akan melancarkan pejalanan pulang untuk Tahun Baharu Cina dan cuti perayaan, berhati-hati di jalan raya agar selamat tiba ke destinasi," katanya. **BERNAMA**